

Latihan 3:

Seretkan jawapan di bawah ke dalam rangka karangan di bawah mengikut perenggan yang betul.

Selepas itu, suasana di dalam rumahnya yang sungguh gelap itu menyebabkan dia berasa seram sekali. Dia sangat bersyukur kerana hujan semakin reda. Setelah hujan reda, suasana di dalam rumahnya menjadi terang sekali kerana bekalan elektrik sudah pulih.

Seterusnya, hujan terus turun lebat sekali. Dia cukup resah di dalam bilik itu kerana bekalan elektrik terputus. Dia berasa panas betul kerana kipas di dalam biliknya itu tidak berfungsi akibat ketiadaan bekalan elektrik.

Kemudian, dia berasa sungguh takut sekali apabila terdengar bunyi guruh yang sangat kuat. Angin terus bertiup dengan kencang sekali. Dia terlalu bimbang sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini iaitu pokok di luar rumahnya akan menghempap bumbung rumahnya.

Sarmeela berasa sungguh cemas kerana dia keseorangan di dalam rumahnya itu. Bunyi kilat yang cukup perlahan di luar rumahnya menjadi sungguh kuat secara tiba-tiba. Dia berasa risau sekali kerana ibu bapanya belum pulang ke

Bahaya Ribut Petir

Perenggan 1
(Pendahuluan)

Sarmeela sedang membaca buku yang bertajuk "Ribut Petir" di dalam biliknya. Tidak lama kemudian, awan berarak di langit bertukar menjadi sungguh gelap. Hujan renyai membasahi bumi pada malam itu.

Perenggan 2
(Maklumat 1)

Sarmeela berasa ...

Perenggan 3
(Maklumat 2)

Kemudian,

Perenggan 4
(Maklumat 3)

Seterusnya, ...

Perenggan 5
(Maklumat 4)

Selepas itu, ...

Perenggan 6
(Penutup)

Akhir sekali, ibu bapanya sudah pulang ke rumah. Sarmeela memeluk mereka dengan erat sekali. Dia menceritakan peristiwa yang mencemaskan tadi kepada mereka.

Created By : The BrainZart Ek2PericMen2